

Malay A: literature – Higher level – Paper 2
Malais A : littérature – Niveau supérieur – Épreuve 2
Malayo A: literatura – Nivel superior – Prueba 2

Thursday 11 May 2017 (morning)
Jeudi 11 mai 2017 (matin)
Jueves 11 de mayo de 2017 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the part 3 works you have studied and compare and contrast these works in response to the question. Answers which are not based on a discussion of at least two part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.
- The maximum mark for this examination paper is **[25 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. En basant votre réponse sur au moins deux des œuvres de la troisième partie que vous avez étudiées, vous devez comparer et opposer ces œuvres dans le cadre du sujet. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la troisième partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à apporter des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[25 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Conteste una sola pregunta de redacción. Base su respuesta en al menos dos de las obras estudiadas de la parte 3, comparándolas y contrastándolas en relación con la pregunta. Las respuestas que no se basen en al menos dos obras de la parte 3 no recibirán una puntuación alta.
- No está permitido traer copias de las obras estudiadas a la sala de examen.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[25 puntos]**.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada **sekurang-kurangnya dua** daripada karya-karya bahagian 3 yang anda kaji serta **bandingkan** karya-karya itu dalam menjawab soalan. Jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan tentang dua karya bahagian 3, **tidak** akan mendapat markah tinggi.

Cerpen

1. Penulis sering menstrukturkan cerita mereka untuk melibatkan diri, mencabar dan/atau mengawal reaksi pembaca. Bincangkan bagaimana ini dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua daripada penulis yang anda kaji.
2. Bandingkan karya dari sekurang-kurangnya dua penulis cerpen yang anda kaji, dan bincangkan cara mereka menggunakan gaya bahasa untuk membina ketegangan serta kesannya terhadap pembaca.
3. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan penggunaan kenangan dan mimpi serta keberkesanannya.

Drama

4. Sebuah drama boleh dikatakan sebagai “sebuah dokumen” buat konteks masanya. Berdasarkan karya sekurang-kurangnya dua penulis drama, bandingkan cara mereka menonjolkan konteks masanya, dan juga cara mereka membebaskan diri daripada konteks tertentu.
5. Pengarang drama sering cuba menambah minat penonton dalam rekaan mereka dengan mengisahkan lebih dari satu cerita. Bincangkan bagaimana strategi ini telah digunakan dalam sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
6. Bandingkan bagaimana pengarang drama mengemukakan nilai-nilai negatif bagi watak-watak utama mereka dalam sekurang-kurangnya dua karya drama oleh pengarang yang berlainan. Bincangkan kepentingan sifat-sifat tersebut dalam drama yang anda kaji.

Novel

7. Bandingkan teknik penulisan yang telah digunakan oleh sekurang-kurangnya dua penulis untuk memaparkan penyingkiran sosial.
8. Sejauh manakah penghujung novel memberi penyelesaian? Jawab soalan ini dengan membandingkan penghujung cerita sekurang-kurangnya dua novel yang anda kaji.
9. Perkembangan watak-watak utama adalah penting bagi sebuah novel. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bandingkan teknik yang digunakan oleh penulis untuk membentuk watak dan kesannya.

Puisi

10. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua penyair yang anda kaji, bincangkan bagaimana pemilihan perkataan boleh membantu penyair menulis puisi yang boleh menyentuh emosi pembaca.
11. Bincangkan bagaimana teknik penulisan dapat menghasilkan puisi kepada pelbagai tafsiran. Jawapan anda harus merujuk kepada sekurang-kurangnya dua pengarang yang anda kaji.
12. Bandingkan teknik penulisan yang digunakan oleh sekurang-kurangnya dua penyair yang anda kaji untuk memaparkan keasyikan mereka dengan masa, serta kesannya.

Prosa Tradisional

13. Sila banding dan bezakan sekurang-kurangnya dua karya prosa tradisional dari segi bagaimana mereka menggunakan metafora dan simbol berunsur agama untuk menonjolkan isu yang tidak berbentuk rohani.
 14. Prosa tradisional memperlihatkan keseimbangan yang baik antara stail puisi dan fiksyen. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
 15. Watak-watak dalam prosa tradisional tidak realistik atau terlalu mudah. Adakah kenyataan ini benar? Bincangkan dengan merujuk kepada sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
-